

# Rampas dadah bernilai RM4.5 juta

Polis Perak tahan lapan individu dalam lapan serbuan dilakukan

Oleh NOOR AINON MOHAMED YUSOF

IPOH

Polis Perak menumpaskan sindiket pengedaran dadah dengan merampas 124 kilogram (kg) bahan terlarang itu bernilai RM4.5 juta dalam lapan serbuan berasingan sekitar Ipoh dan Batu Gajah pada Isnin lalu.

Serbuan antara jam 11.10 pagi hingga 5.30 petang oleh Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Bukit Aman dan Perak itu dilakukan di premis sekitar Simpang Pulai, Meru Raya, Jelapang dan Batu Gajah.

Ketua Polis Perak, Datuk Mior Faridalathrash Wahid berkata, lapan individu berusia 32

hingga 37 tahun turut ditahan dalam serbuan tersebut.

“Sindiket ini dipercayai aktif sejak pertengahan tahun 2021. Modus operandi yang digunakan adalah membawa masuk bekalan dadah dari negeri pantai timur untuk dijual di pasaran sekitar Perak.

“JSJN berjaya merampas 123.8kg syabu, heroin (0.1kg) dan ketamin seberat 0.15kg,” katanya dalam sidang akhbar di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Perak di sini, pada Khamis.

Menurutnya, jumlah dadah dirampas itu boleh dibekalkan kepada lebih 620,000 penagih.

“Saringan awal terhadap lapan suspek terbabit mendapati kesemuanya negatif dadah namun siasatan lanjut menemukan lima daripadanya mempunyai rekod lampau bersabit kes jenayah dan dadah.

“Kesemua suspek direman tujuh hari sehingga Isnin ini bagi membantu siasatan di bawah Seksyen 39B Akta Dadah



Mior Faridalathrash (tiga dari kanan) menunjukkan sebahagian syabu yang dirampas dalam serbuan JSJN di Simpang Pulai.

Berbahaya 1952,” katanya.

Menurut Mior Faridalathrash, tindakan turut diambil di bawah Akta Dadah Berbahaya (Pelucuthakan Harta) 1988 de-

ngan menyita pelbagai aset berjumlah RM212,712.

“Aset tersebut adalah wang tunai RM42,300, tiga utas barang kemas bernilai RM145,500 dan

lima buah kenderaan.

“Polis akan terus berusaha mengesan saki baki ahli sindiket yang terlibat untuk diheret ke muka pengadilan,” katanya.